



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Galak komuniti minat membaca | 36 |
| - Jumlah aduan sampah berkurangan | 35 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Galak komuniti minat membaca
Muka Surat	36

Galak komuniti *minat membaca*

Kerajaan negeri peruntuk lebih RM1 juta sediakan perpustakaan bergerak di pangsapuri kos rendah

MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - Kerajaan negeri membelanjakan lebih RM1 juta bagi menyediakan empat unit Van Mobile Selangor BEST (Bringing Excellence Into Society) yang berkonsepkan perpustakaan bergerak untuk dimanfaatkan komuniti pangsapuri kos rendah seluruh Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, ia turut dilengkapi kemudahan internet dan berfungsi sebagai pusat aktiviti untuk penduduk setempat.

"Ia meliputi kos RM225,000 bagi setiap van, RM125,000 bagi penyediaan buku selain RM350,000 setahun untuk kos pengurusan dan penyelenggaraan keseluruhan.

"Sasarannya adalah untuk dimanfaatkan komuniti di 1,346 skim pemajuan pangsapuri kos rendah yang meliputi 220,086 unit kediaman dengan anggaran penduduk seramai



Iskandar (tengah), selepas acara Tandatangan Surat Ikatan Serah Hak Perpustakaan Bergerak Selangor BEST yang disempurnakan Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Norzaton Aini Mohd Kassim (kiri) dan Mastura (kanan), semalam.

1.1 juta," katanya pada sidang media Majlis Taklimat Pelaksanaan dan Tandatangan Surat Ikatan Serah Hak Perpustakaan Bergerak Selangor BEST, di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), di sini,

semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri turut mengharapkan sokongan jitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri bagi menjayakan Selangor BEST tersebut.

"JMB amat digalakkan bekerjasama erat dengan PPAS dalam merangka pelbagai program bersesuaian untuk komuniti setempat terutamanya generasi muda.

"Hasil jangka masa panjang da-

pat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti melahirkan masyarakat beradab, berakhlak sekali gus menjimatkan kos penyelenggaraan akibat vandalisme," katanya.

Sementara itu, Pengarah PPAS, Mastura Muhamad menerusi teks ucapan mewakili Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, perkhidmatan tersebut akan bermula 1 Mac ini di 35 lokasi.

"Ia beroperasi pada Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Ahad. Sabtu dan Ahad dipilih kerana ia hari kelepasan mingguan dan sudah tentu perpustakaan hentian terbaik untuk isi masa lapang.

"Sebagai permulaan, tiga kawasan PBT jadi perintis iaitu 10 lokasi di Majlis Perbandaran Selayang (MPS), 10 di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan 15 lagi di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 FEBRUARI 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jumlah aduan sampah berkurangan
Muka Surat	35

Jumlah aduan sampah **berkurangan**

Kerajaan negeri bakal perluas skop KDEBWM ke PBT lain bermula 1 Mac



Mohamed Azmin (tiga, kiri) menyampaikan tong sampah MGB kepada Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, ketika majlis pelancaran program Smart Trak, Kempen Pengurangan Beg Plastik dan penyerahan Mobile Garbage Bin anjuran MPK dan KDEBWM Sdn Bhd, Jumaat lalu.

MARLIA ZAKARIA

SHAHALAM- Kerajaan negeri bakal memperluaskan skop KDEBWM Waste Management (KDEBWM) Sdn Bhd ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bermula 1 Mac ini berikutan kejayaannya dalam pengurusan sisa pepejal di Klang. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia dinilai berdasarkan jumlah aduan harian yang berkurangan secara drastik sejak lori-lori kompaktor baharu digunakan.

"Aduan menerusi SMS kepada saya berkurang dan maklum balas yang diterima sangat baik.

"Purata sampah yang dibawa keluar dan dibuang ke

tapak peluasan Jeram kini pula sebanyak 650 tan sehari," katanya.

Menurutnya, ia membuktikan komitmen tinggi KDEBWM membantu kerajaan negeri menangani isu sampah.

"Saya difahamkan bukan saja pergerakan lori-lori kompaktor dipantau malah penyelia operasi di zon kutipan juga menggunakan teknologi dan sistem pemantauan pintar.

"Ia bukan saja membuktikan komitmen KDEBWM tetapi juga selari dengan agenda kerajaan negeri ke arah Smart State dengan penggunaan teknologi moden dan canggih," katanya selepas merasmikan program Smart Trak, Kempen Pengurangan Beg Plastik dan penyerahan

Mobile Garbage Bin, di sini, Jumaat lalu.

Tambahnya, kebersihan merupakan cerminan peradaban sesebuah negeri, oleh itu kerajaan negeri komited menguruskan sisa pepejal dengan efisien dan efektif.

"Ia akan menjadi agenda utama dan kerana itu kerajaan negeri memperuntukkan RM45 juta kepada KDEBWM untuk menambah baik dan mempertingkatkan pengurusan sisa pepejal," katanya.

Dalam majlis perasmian tersebut, sebanyak 1,500 tong sampah Mobile Garbage Bin (MGB) 120 liter turut disumbangkan KDEBWM kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk diedarkan.